

UPSR

BAHASA MELAYU

PRAKTIS RAMALAN PEMAHAMAN

MENGIKUT SUKATAN
LEMBAGA PEPERIKSAAN MALAYSIA

Copyright © ANDREW CHOO Exam Tips
All rights reserved.

*For 100% Real 2020 Exam Tips,
Pre-order the Exam Tips Book which is
more details with questions and
answers before the price going up.*

www.andrewchoo.edu.my

012-3260392

2020 UPSR BAHASA MELAYU – PEMAHAMAN (BAHAGIAN A)**UJIAN PENCAPAIAN SEKOLAH RENDAH****BAHASA MELAYU – PEMAHAMAN****011** $1\frac{1}{4}$ jam**Satu jam lima belas minit****JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

- Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
- Kamu dikehendaki menjawab semua soalan dalam kedua-dua bahagian ini.*
- Tiap-tiap soalan dalam Bahagian A diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja.*

1. “_____ kami bersalah, maafkan kami,” kata Emily dan Husna kepada Aleeya.

A Maka	C Manakala
B Kecuali	D Sekiranya

Azrul menggunakan sebaloi air untuk _____ keretanya bagi menghilangkan kotoran yang melekat.

A menuang	C menyimbah
B menyembur	D mengalir

2. “Sudah lima purnama _____ tersesat di hutan ini,” jelas Pendekar Mustar kepada orang-orang kampung itu.

A patik	C hamba
B beta	D tuan hamba

Soalan 5 berdasarkan gambar di bawah.



3. Gerakan mencari _____ orang murid yang lemas di pantai itu masih diteruskan oleh pasukan bomba.

A sebahagian	C sekalian
B beberapa	D segelintir

5 Gambar Danish _____ di dada akhbar setelah dia berjaya mencipta sebuah robot yang dapat membantu kerja-kerja rumah.

A tergambar	C terbentang
B terpampang	D terpamer

Soalan 4 berdasarkan gambar di bawah ini.



6 Jamali selalu terlupa menyiapkan latihan Matematik _____ sudah diingatkan beberapa kali oleh ibunya.

A namun begitu	C lagipun
B walaupun	D oleh itu

7 Sultan: Mengapakah Tun Perak lewat menyampaikan perkhabaran ini?
 Tun Perak: Patik memohon _____ tuanku. Patik terlewat membawa perkhabaran ini kerana patik juga baru mengetahuinya.

- A junjung kasih
 - B ampun kurnia
 - C bercemar duli
 - D masuk menghadap
- 8 Mak Timah _____ merasai keenakan kuih lompat tikam yang sangat terkenal di pantai timur.
- A masih akan C masih sedang
 - B telah pernah D belum pernah
9. Suasana dalam mahkamah itu menjadi _____ apabila hakim menjatuhkan hukuman gantung sampai mati kepada pesalah.
- A dentam-dentum C kelam-kabut
 - B haru-biru D riuh-rendah
- 10 Pilih simpulan bahasa yang sesuai bagi mengisi tempat kosong.
 "Jangan sesekali kita _____ terhadap kejayaan orang lain," pesan Nek Sinah kepada cucunya.
- A ada hati C ambil hati
 - B iri hati D kecil hati
- II. Semua helah Asfar untuk mendapatkan harta pusaka peninggalan arwah datuknya telah diketahui oleh ahli keluarganya yang lain.

Pilih perkataan sinonim bagi helah.

- A alasan C pendapat
- B muslihat D keterangan

- 12 Pilih ayat tanya yang sesuai bagi jawapan yang diberikan.

Penduduk setempat menghadapi masalah kerosakan jalan yang teruk sebagai akibat pelaksanaan projek perumahan di kawasan itu.

- A Mengapakah penduduk setempat menghadapi masalah kerosakan jalan yang teruk?
- B Sejak bilakah penduduk menghadapi masalah kerosakan jalan yang teruk?
- C Apakah masalah projek perumahan di kawasan itu?
- D Di manakah projek perumahan itu dijalankan?

13. Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan bergaris dengan betul.

- I Arniza jarang-jarang dapat pulang ke kampung kerana sibuk dengan kerja-kerjanya di pejabat.
 - II Kain yang jarang-jarang itu tidak sesuai untuk dijadikan baju mahupun seluar.
 - III Kejadian banjir lumpur di kampung itu jarang-jarang sekali berlaku.
 - IV Pokok durian di dusun Pak Latif ditanam jarang-jarang supaya dapat berbuah lebat.
- A I dan II sahaja
 - B I dan III sahaja
 - C II dan III sahaja
 - D II dan IV sahaja

Pilih ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberi.

- 14 Pihak polis masih menyiasat satu kes yang menyebabkan kematian seorang remaja.

- A Kes yang menyebabkan kematian itu akan disiasat oleh pihak polis dan seorang remaja.
- B Seorang polis sedang menyiasat satu kes yang menyebabkan kematian seorang remaja.
- C Kes kematian seorang remaja itu diserahkan kepada pihak polis.
- D Kes yang menyebabkan kematian seorang remaja itu sedang disiasat oleh pihak polis.

Soalan 15 dan 16

Pilih ayat yang betul.

15. A Di antara Nabila dan Najihah, Nabilalah yang berbakat dalam bidang persembahan teater.
- B Penduduk-penduduk Taman Harmoni saling menghormati antara satu sama lain.
- C Berbagai kemudahan disediakan kepada individu yang berminat untuk menceburkan diri dalam bidang keusahawanan.
- D Semua para nelayan diberikan pampasan oleh badan kerajaan setelah bot-bot mereka musnah dalam kejadian ribut semalam.

16. A Masakan lauk-pauk ibu teramat enak sekali.
- B Banyak pelancong asing tertarik oleh keindahan semula jadi di Pulau Langkawi.
- C Kakak membeli adik senaskah Majalah Didik Hibur.
- D Pekerja-pekerja itu sedang memperlebarkan jalan di hadapan sekolah.

Soalan 17 hingga 20

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Kerajaan telah mengambil inisiatif memperkenalkan kurikulum baru bagi sekolah rendah, iaitu Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). Kurikulum tersebut telah dimurnikan daripada Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR). KSSR telah dilaksanakan mulai tahun 2010. Antara pemurnian yang dilaksanakan ialah pendekatan didik hibur. Empat elemen yang terkandung dalam pendekatan didik hibur ialah nyanyian, aktiviti bercerita, lakonan dan puisi.

Terdapat banyak kaedah untuk mewujudkan suasana pengajaran dan pembelajaran bagi *subjek* Bahasa Melayu yang lebih menyeronokkan. Nyanyian merupakan salah satu kaedah yang paling digemari oleh murid kerana irungan muzik memberi impak kepada nyanyian dan dapat membantu murid menguasai kosa kata, sebutan, intonasi, rima dan struktur ayat.

Selain itu, kaedah bercerita merupakan satu kaedah yang amat disukai oleh murid kerana kanak-kanak gemar mendengar cerita. Guru hendaklah bersedia bercerita secara natural kerana sesuatu cerita dapat memberi pengajaran, nilai murni dan menyuburkan imaginasi murid.

Elemen lain yang terdapat dalam didik hibur ialah lakonan dan puisi. Aktiviti ini dapat membiasakan murid bertutur menggunakan bahasa yang kemas dan teratur serta membantu murid berinteraksi dengan orang lain untuk menyatakan perasaan, keinginan, pengalaman dan fikiran mereka.

Kesimpulannya, pendekatan didik hibur dapat memberikan keseronokan kepada murid dalam mempelajari sesuatu subjek. Oleh itu, guru perlulah sentiasa berusaha menggunakan pelbagai kaedah pembelajaran bagi menarik minat murid dalam menguasai sesuatu subjek.

(Dipetik dan diubah suai daripada laman sesawang

<http://cikgusuhaimin.blogspot.my/2017/02/element-didik-hibur-dalam-pengajaran-dan.html>

- 17 Pendekatan didik hibur terdiri daripada _____ elemen.

A tiga C empat
B satu D lima

18 Elemen nyanyian dalam pendekatan didik hibur dapat

A memberi pengajaran, nilai murni dan menyuburkan imaginasi murid.
B membolehkan murid bertutur dengan gaya, intonasi, suara, nada, dan sebutan yang betul.
C membiasakan murid bertutur menggunakan bahasa yang kemas dan teratur serta membantu murid berinteraksi dengan orang lain untuk menyatakan perasaan, keinginan, pengalaman dan fikiran mereka.
D membantu murid menguasai kosa kata, sebutan, intonasi, rima dan struktur ayat melalui irungan muzik.

19 Pilih pernyataan yang tidak benar tentang petikan.

A KSSR dimurnikan daripada KBSR.
B Salah satu pemurnian yang dilaksanakan dalam KSSR ialah pendekatan didik hibur.
C Kaedah bercerita dapat dibahagikan kepada dua, iaitu bercerita tanpa alat dan bercerita dengan alat.
D Pendekatan didik hibur memberikan tekanan kepada murid dalam mempelajari sesuatu subjek.

20 Perkataan *subjek* dalam petikan boleh digantikan dengan

A kata nama. C mata pencarian.
B mata pelajaran. D kata kerja.

2020 UPSR BAHASA MELAYU – PEMAHAMAN (BAHAGIAN B)

UJIAN PENCAPAIAN SEKOLAH RENDAH

BAHASA MELAYU – PEMAHAMAN

011

Bahagian B

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI
SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Tulis nombor kad pengenalan atau nombor sijil kelahiran dan angka giliran kamu pada petak yang disediakan.*
 2. *Jawapan kamu hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan dalam kertas soalan ini.*
 3. *Serahkan Bahagian B ini bersama-sama borang jawapan objektif kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*
-

Bahagian B
[30 markah]

Soalan 21

(a) Tandakan (✓) bagi kata berimbuhkan yang betul berdasarkan ayat di bawah.

- (i) Richeal Leong ke pejabat pos untuk _____ surat kepada sahabat penanya yang menetap di Kota Kinabalu, Sabah.
diposkan () pengepos () mengepos ()
- (ii) Encik Yusri menjemput saudara-maranya ke majlis kenduri kesyukuran di rumahnya untuk _____ semula tali persaudaraan yang kian renggang.
berhubung () perhubungan () menghubungkan ()
[2 markah]

- (b) Padankan perkataan yang sesuai berdasarkan ayat yang diberikan. Satu daripadanya telah ditunjukkan sebagai contoh.

(i)

Wak Jamri _____ batang pokok kelapa itu untuk memudahkannya memanjang pokok tersebut.

membelah

(ii)

Wahida _____ sayur bayam itu pendek-pendek sebelum mengorengnya.

mencencang

(iii)

Zaini _____ kayu-kayu itu untuk memudahkan mereka membuat unggun api.

menakik

(iv)

Puan Jamilah _____ nipis-nipis pisang tanduk itu untuk dijadikan kerepek.

memotong

(v)

Cef Umar _____ halus daging itu untuk membuat bebola daging.

menghiris

[2 markah]

- (c) Garis jawapan yang paling sesuai bagi ayat di bawah.

- (i) Semasa berkunjung ke Zoo Negara, kami terhibur melihat (gelagat, perangai, lakonan) ikan lumba-lumba bermain bola.
- (ii) Anak-anak ayam kampung itu lari bertempiaran apabila seekor helang putih tiba-tiba muncul dan (meragut, menerkam, menyambar) dari udara.

[2 markah]

Soalan 22

Pilih perkataan yang paling sesuai untuk diisi pada tempat kosong dalam petikan di bawah.

pelancongan	perkara	terpilih	khabar
sedih	masalah	sihat	bersamaan
penginapan	maklumat	berkaitan	

Daripada: gareth@yahoo.com

Kepada: Robert@gmail.com

Perkara: Tempat Menarik di Kota Kinabalu

Kepada temanku yang berada di Pasir Gudang, Johor. Apa khabar? Saya berharap saudara _____ sejahtera di samping keluarga. Saya mendapat _____ bahawa kamu sekeluarga akan bercuti ke Kota Kinabalu pada cuti hujung tahun nanti.

Negeri Sabah cukup terkenal dengan tempat _____ yang kaya dengan tarikan alam semula jadi terutamanya pulau-pulau, pantai, dan taman negara. Bersama-sama ini disertakan _____ destinasi pelancongan yang terkenal di Sabah. Saya juga menyertakan maklumat yang _____ dengan jumlah bayaran masuk ke pulau-pulau dan taman negara. Saya harap maklumat ini dapat membantu keluarga anda semasa bercuti nanti.

[5 markah]

Soalan 23

(a) Garis jawapan yang paling sesuai bagi ayat di bawah.

- Tarian zapin ialah salah satu seni _____ (pertukangan, perubatan, warisan) tradisional masyarakat Melayu.
- Tindakan _____ (tatatertib, tatacara, tatabahasa) akan dikenakan kepada siapa-siapa yang melanggar undang-undang.
- _____ (Prasekolah, Prasarana, Prasangka) buruk perlu dihindar supaya masyarakat dapat hidup dalam keadaan aman dan sejahtera.
- Amalan kerjasama antara masyarakat berbilang kaum dapat memupuk semangat _____ (perpaduan, perkauman, permusuhan).

[4 markah]

(b) Lengkapkan frasa berikut supaya menjadi peribahasa.

- Seperti tikus _____
- Seperti kera _____

[2 markah]

Soalan 24

Baca jadual di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat yang lengkap.

KANDUNGAN KALORI MENGIKUT JENIS MAKANAN

JENIS MAKANAN	KADAR / SUKATAN	JUMLAH KALORI
Kasui berkelapa parut	sepotong	160 kalori
Kuih lapis tepung gandum	sepotong	130 kalori
Nasi lemak kukus	sepinggan	75 kalori
Bubur kacang hijau	semangkuk	100 kalori
Ikan kembung kari berkuah	seekor	85 kalori
Ikan kembung goreng tepung	seekor	150 kalori
Sambal udang masak merah	semangkuk	150 kalori
Sambal sotong masak merah	semangkuk	120 kalori

- (a) Pada pendapat kamu, antara ikan kembung yang dimasak kari dengan ikan kembung yang digoreng, yang manakah lebih sesuai dimakan?

[2 markah]

- (b) Jika kamu makan semangkuk bubur kacang dan sepotong kuih lapis, jumlah kalori ialah

[1 markah]

- (c) Berapakah jumlah kalori jika emak bersarapan sepinggan nasi lemak kukus sambal udang dan ayah pula makan nasi lemak kukus sambal sotong serta seekor ikan kembung goreng tepung?

[3 markah]

Soalan 25

Baca poster di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat yang lengkap.

KEMPEN SELAMATKAN PENYU

Maklumat

- Penyu ialah sejenis reptilia yang hidup di laut dan darat.
- Musim penyu bertelur adalah dari bulan April hingga September.
- Penyu mengeluarkan telur sebanyak 150 – 180 biji setiap kali bertelur.
- Penyu diancam kepupusan dan jumlahnya semakin berkurang.

Punca Kepupusan

- Telur-telur penyu diambil dan dimakan sehingga tidak sempat menetas.
- Banyak penyu mati akibat termakan sampah sarap yang dibuang ke laut.
- Banyak penyu mati akibat tersangkut pada jaring dan pukat nelayan.

MARILAH BERSAMA-SAMA KAMI UNTUK MENYOKONG KEMPEN SELAMATKAN PENYU

Tarikh : 19 Mei 2018

Masa : 9.00 pagi

Lokasi : Pusat Pemuliharaan Penyu, Pantai Rantau Abang, Kuala Terengganu

- Aktiviti :
- Membersihkan pantai
 - Mengedarkan risalah kesedaran kepada orang ramai
 - Melepaskan anak-anak penyu ke laut

(a) Penyu ialah sejenis haiwan reptilia yang hidup

[1 markah]

(b) Telur-telur penyu tidak sempat menetas kerana

[1 markah]

(c) Bagaimanakah kita dapat memupuk kesedaran orang ramai untuk memelihara penyu supaya tidak pupus?

[2 markah]

(d) Jika usaha pemuliharaan tidak dilakukan sekarang, apakah kesannya pada masa akan datang?

[3 markah]

JAWAPAN

1. D 11. B
2. C 12. A
3. B 13. B
4. C 14. C
5. B 15. B
6. B 16. B
7. B 17. C
8. D 18. D
9. D 19. D
10. B 20. B

21. (a) mengepos, menghubungkan
(b) (ii) memotong
 (iii) membelah
 (iv) menghiris
 (v) mencencang
(c) (i) gelagat
 (ii) menyambar

22. sihat; khabar; pelancongan; maklumat; berkaitan

23 (a) (i) warisan (ii) tatatertib
 (iii) Prasangka (iv) perpaduan
(b) (i)membaki labu
 (ii)mendapat bunga

24
(a) Saya berpendapat ikan kembong masak kari lebih sesuai dijadikan hidangan kerana kalori lebih rendah berbanding ikan kembong yang digoreng.
(b) ...230 kalori
(c) Jumlah kalori bagi sarapan yang diambil oleh emak dan ayah ialah 570 kalori, iaitu $(75+ 150 + 75+ 120+ 150 = 570)$ kalori).

25.
a.di laut dan di darat
b. diambil orang untuk dimakan
c. Kita dapat memupuk kesedaran orang ramai terhadap kepupusan penyu adalah dengan mengadakan kempen selamatkan penyu.